



TEMPOH PERADUAN / CONTEST PERIOD

1. Bersempena dengan **Kempen “Raya Fantastik dengan 5 Juta Happy Points”**, satu siri peraduan media sosial (“**Peraduan**”) akan dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (“**BSN**”) di Laman Facebook rasmi BSN Malaysia sepanjang 1 Mac 2024 hingga 31 Mei 2024 (“Tempoh Peraduan”). Bagi mengelakkan keraguan, tempoh penyertaan bagi setiap Peraduan akan dimaklumkan di Laman Facebook rasmi BSN Malaysia (“**Laman Peraduan**”).
In conjunction with the “Fantastic Raya with 5 Million Happy Points” Campaign, a series of social media contests (“Contest”) will be organised by Bank Simpanan Nasional (“BSN”) through BSN Malaysia’s Official Facebook page throughout 1 March 2024 until 31 May 2024 (“Contest Period”). For the avoidance of doubt, the period to participate in each Contest will be specified on BSN Malaysia’s Official Facebook Page (“Contest Site”).

KELAYAKAN / ELIGIBILITY

2. Mana-mana individu yang menggunakan Facebook berstatus warganegara Malaysia yang telah memenuhi langkah-langkah yang disenaraikan di dalam Klausa 6 di bawah adalah layak untuk menyertai Peraduan ini (“**Peserta yang Layak**”) kecuali entiti-entiti atau individu-individu yang disenaraikan di Klausa 3 di bawah.
Any individual who utilizes Facebook who are of Malaysia citizens who had fulfils the steps listed in Clause 6 below are eligible to participate in this Contest (“Eligible Participant”) except the individuals or entities listed in Clause 3 below.
3. Entiti-entiti / individu-individu yang berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Peraduan ini:
*The following entities/individuals are **NOT ELIGIBLE** to participate in this Contest:*
 - a. Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN, termasuk anak syarikat dan/atau syarikat-syarikat berkaitan BSN.
Permanent and/or contract employees of BSN and its subsidiaries and/or related companies of BSN respectively (“Staff”);
 - b. Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen dan/atau pembekal perkhidmatan dan/atau vendor (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan, ejen promosi dan pembekal perkhidmatan dan vendor komputer/sistem/teknologi) BSN;
Representatives and/or agents and/or service providers and/or vendors (including but not limited to advertising, promotion agents and service providers and vendors for computer/systems/technology) of BSN;
 - c. Bukan warganegara Malaysia.
Non-citizens of Malaysia.
4. Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan kriteria Peserta Yang Layak untuk Peraduan ini dari semasa ke semasa.
Notwithstanding the conditions above, BSN shall have the sole discretion to decide on the criteria of the Eligible Participant for this Contest from time to time.

MEKANISME PERADUAN / CONTEST MECHANISME

5. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak hendaklah melakukan langkah-langkah berikut:
To participate in this Contest, the Eligible Participant shall perform the following steps:
 - a. Suka dan Ikuti Laman Peraduan;
Like and follow the Contest Site;
-



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

- b. Peserta yang Layak perlu memastikan akaun Facebook miliknya tidak ditetapkan dalam mod privasi dan perlu ditetapkan kepada mod awam;
The Eligible Participants must ensure their Facebook account is not set to private mode and should be set to public mode;
 - c. Memberi jawapan yang tepat di ruangan komen kepada soalan yang dinyatakan di dalam hantaran bagi Peraduan di Laman Peraduan;
Provide the right answer in the comment section to the question posed in the posting of the Contest on the Contest Site;
 - d. Tag minimum 3 rakan Facebook di ruangan komen Laman Peraduan;
Tag a minimum of 3 Facebook friends in the comment section on the Contest Site;
 - e. Letakkan tanda pagar #FantastikRayadenganKadBSN di ruangan komen yang sama; dan
Insert hashtag #FantastikRayadenganKadBSN in the same comment section; and
 - f. Jika berkenaan, Peserta Yang Layak hendaklah menghantar gambar yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam hantaran bagi Peraduan di Laman Peraduan.
Where applicable, the Eligible Participant has to post a photo that fulfils the conditions set out in the post for the Contest in the Contest Site.
6. Terdapat sejumlah 6 hantaran yang akan disiarkan oleh BSN bagi Peraduan ini di Laman Peraduan. Sebanyak dua puluh lima (25) Pemenang akan dipilih bagi setiap hantaran berdasarkan kriteria-kriteria berikut:
A total of 6 postings of the Contest will be posted by BSN on the Content site. A total of twenty five (25) winners will be selected for each post based on the following criteria:
- a. Jumlah tag rakan yang paling banyak di ruangan komen Laman Peraduan.
The highest tagged friends in the comment section on the Contest Site.
 - b. Jika beberapa Peserta Yang Layak mempunyai jumlah tag yang sama di dalam ruangan komen, Pemenang akan dinilai berdasarkan:
If a few Eligible Participants have the same number of tags in the comments section, the Winner will be selected based on:
 - a) penyertaan Peserta Yang Layak yang lebih awal; atau
the Eligible Participant who participated earlier; or
 - b) komen Peserta Yang Layak yang mempunyai jumlah suka / interaksi yang paling tinggi.
the Eligible Participant's comment that has the most number of likes / interactions.
7. Untuk mana-mana Peraduan yang melibatkan hantaran gambar oleh Peserta Yang Layak, BSN berhak, atas budibicara penuh, untuk mengecualikan gambar yang mengandungi unsur penipuan, plagiat atau unsur-unsur lain yang tidak bersesuaian dan/atau yang dianggap tidak boleh diterima oleh BSN.
For any Contest that involves posting of photos, BSN reserves the rights, at its sole discretion, to disqualify photos that contained fraud, plagiarism or any other inappropriate elements and/or deemed not acceptable by BSN.

HADIAH / PRIZES

8. Peserta yang Layak berpeluang untuk memenangi hadiah berikut untuk Peraduan ini (“Hadiah”) tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan terma-terma dan syarat-syarat yang disertakan dengan Hadiah (jika ada):-
The Eligible Participants will stand a chance to win the following prize for this Contest (“Prize”) subject to the terms and conditions specified herein and the terms and conditions attached to the Prize (if any):-
-



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

Hadiah <i>Prize</i>	Jumlah Pemenang <i>Total Winners</i>
RM20 e-Baucar Shopee <i>RM20 Shopee e-Voucher</i>	Sepertimana dipaparkan di Laman Peraduan bagi setiap Peraduan dari semasa ke semasa <i>As published on the Contest Site from time to time in respect of each Contest</i>

PEMILIHAN DAN PEMBERITAHUAN PEMENANG / WINNER SELECTION AND NOTIFICATION

9. Pemenang akan dipilih dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas tarikh tamat setiap Peraduan.
Winners will be selected within fourteen (14) working days after the end of each Contest.
 10. Peserta yang Layak boleh menyertai lebih daripada satu (1) kali bagi setiap Peraduan tetapi, Peserta Yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) kali sahaja bagi keseluruhan Peraduan ini.
The Eligible Participants may participate more than one (1) time for each Contest, however, the Eligible Participants can only win one (1) time for the overall Contest.
 11. Sebarang penentuan oleh BSN mengenai pemilihan Pemenang adalah muktamad dan tidak boleh ditentang dengan apa cara sekali pun.
Any determination by BSN as to the list of winners shall be conclusive and may not be challenged in any manner whatsoever.
 12. Pengumuman Pemenang akan dibuat melalui paparan nama pengguna media sosial Pemenang di Laman Peraduan dan/atau di www.bsn.com.my ("Laman Web BSN") dan/atau pemakluman melalui telefon dan/atau mana-mana kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN. Dengan menyertai Peraduan ini, paparan nama Pemenang dan nama pengguna media sosial Pemenang yang terpapar di Laman Peraduan dan/atau Laman Web BSN dipersetujui oleh Peserta dan/atau Pemenang.
Announcement of the name of the Winners will be made via publication of the Winner's social media username on the Contest Site and/or at www.bsn.com.my ("BSN's Website") and/or notification via telephone and/or any other method(s) deemed suitable by BSN. By participating in the Contest, the publication of the Winner's names and the Winner's social media username are consented by the Eligible Participants and/or Winners.
 13. Pemenang dikehendaki untuk menghantar butiran mereka seperti berikut ("Butiran Pemenang") melalui "Mesej Peribadi" di Laman Peraduan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pengumuman Pemenang:
Winners are required to submit their details as follows ("Winner's Details") via "Private Message" on the Contest Site within fourteen (14) working days from the date of the announcement of the Winners:
 - i) Nama penuh seperti di NRIC
Full name as per NRIC;
 - ii) Nombor telefon
Mobile number; and
 - iii) Alamat e-mel
E-mail address.
-



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

14. Kaedah penyerahan Hadiah bagi setiap Peraduan akan ditentukan oleh BSN mengikut budi bicaranya.
The Prize distribution method for each Contest will be determined by BSN at its discretion.
15. BSN berhak untuk memilih pemenang tambahan untuk menggantikan mana-mana Pemenang yang tidak dapat dihubungi atau hilang kelayakan atas apa-apa jua sebab .
BSN reserves the right to select an additional winner to substitute any Winner who cannot be contacted or disqualified for any reason whatsoever.
16. BSN berhak dengan budi bicaranya mutlaknya untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan yang sama nilainya, pada bila-bila masa tanpa notis. Semua Hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada', tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, baucar atau barangan lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.
BSN reserves the rights in its sole discretion to substitute any of the Prizes with items of equivalent value, at any time without prior notice. All Prizes are given on an "as is" basis, are non-transferable and are not exchangeable for cash, credit, voucher or any other items, in part or in full.
17. Semua pemenang mesti mematuhi Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat khusus bagi setiap Peraduan (jika berkenaan) serta terma dan syarat yang disertakan dengan Hadiah (jika berkenaan).
All Winners shall abide to these Terms and Condition and/or the specific terms and conditions for each Contest (if applicable) and the Terms and Conditions attached to the Prizes (if applicable).
18. BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian apa sahaja Hadiah dan tidak bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri, rosak dari segi bahan atau pertukangan oleh pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya. Pemenang perlu berurusan secara langsung dengan pengilang untuk maklumat jaminan atau tuntutan tanpa perlu melalui BSN (jika berkaitan).
BSN makes no representation or warranty with respect to quality and/or suitability of the Prizes and shall not be responsible to replace any lost, stolen or defective Prizes due to defects in materials or workmanship by manufacturer under warranty or otherwise. Winner(s) is advised to contact the manufacturer directly for such warranty information or claim without recourse to BSN (if relevant).
19. Penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.
The determination of the Winners is final. No correspondence, queries, appeals or protest will be entertained.
20. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu kepada mana-mana Peserta yang Layak berhubung penyertaan dalam Peraduan ini.
BSN cannot guarantee and does not promise any specific results to the Eligible Participants in relation to the participation in this Contest.

HAK BANK / BANK'S RIGHT

21. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Peraduan ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.
-



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Contest at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the event that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN will not be held responsible or accept any liability incurred by the Eligible Participants directly or indirectly, caused by the changes.

22. BSN berhak, mengikut budi bicaranya mutlaknya untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses penghantaran penyertaan Peraduan, operasi Peraduan ini atau melanggar Terma dan Syarat Peraduan. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti yang memberi kesan buruk kepada Peraduan ini dan/atau BSN

BSN reserves the right, in its sole discretion, to disqualify any Eligible Participant who is found or suspected of tampering with the Contest's process, the operation of this Contest or to be in violation of the Terms and Conditions of this Contest. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Contest and/or BSN.

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB / LIABILITY AND RESPONSIBILITY

23. Peserta yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan di dalam Peraduan ini.

The Eligible Participants shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Contest.

24. Sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung untuk menyertai Peraduan ini dan/atau menuntut Hadiah termasuk tetapi tidak terhad kepada kos untuk pengangkutan, penginapan, makan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain (mana-mana yang berkaitan) adalah di bawah tanggungjawab penuh Peserta/ Pemenang.

Any cost, fee and/or expenses incurred to participate in this Contest and/or to redeem the Prize including but not limited to the cost for transportations, accommodation, meals, personal costs and/or any other costs (whichever is relevant) is the sole responsibility of the Eligible Participants / Winners.

25. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Peraduan ini.

BSN shall not be held responsible for technical problems that prevent any individual from participating in this Contest.

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

26. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutunya berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Peraduan ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN; atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau untuk mematuhi perintah atau arahan Mahkamah; atau untuk mengesahkan status akaun Peserta yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga (jika berkenaan); atau apabila diminta secara bertulis oleh Peserta yang Layak; atau untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan terma dan syarat di bawah Notis Privasi, terma dan syarat di bawah Notis Privasi akan diguna pakai.
-



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

By participating in this Contest, the Eligible Participants hereby voluntarily give express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, to use and disclose the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Contest in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website; or to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or to comply with a Court order or direction; or to verify the Eligible Participant's account status with any third party (if relevant); or where the Eligible Participants request in writing; or to protect and defend BSN or BSN's asset. In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with the terms and conditions under the Privacy Notice, the terms and conditions under the Privacy Notice shall prevail.

27. Peserta yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

The Eligible Participants have the right at any time to:

- a. Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b. Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c. Membuat sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi mereka dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
Raise any questions regarding the use of their Personal data by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.

33. Peserta yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan penyertaan Peraduan ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan penyertaan Peserta Yang Layak di dalam Peraduan ini dengan memberikan notis kepada Peserta yang Layak.

The Eligible Participants agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the participation in this Contest and therefore BSN has the right to discontinue the Eligible Participants' participation in this Contest associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Participants.

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

34. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta yang Layak dianggap telah bersetuju:

By participating in this Contest, all Eligible Participants are deemed to have agreed:

- a. Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan yang dibuat ke atasnya; dan
To be bound by the Terms and Conditions herein and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
- b. Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Peserta yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat bagi Peraduan ini.
To access to the BSN's Website on regular basis to ensure that the Participants are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions of this Contest.

35. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Peraduan ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Peserta yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan.



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

BSN's decisions relating to the Contest is final, binding on all Eligible Participants, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.

36. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, terbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan dan/atau Hadiah.

In all circumstances BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Contest and/or Prizes.

37. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Peserta yang Layak dan/atau Pemenang yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Peraduan ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah Peraduan ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.

BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by the Eligible Participants and/or Winners resulting, directly or indirectly, from participation in the Contest or otherwise. Furthermore, BSN shall not be held liable for any default of its obligation under the Contest due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.

38. BSN berhak mengikut budi bicaranya mutlaknya untuk meminda, mengubah, membatalkan atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Peraduan, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Peraduan, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Peserta dan/atau Pemenang secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta yang Layak dan/atau Pemenang.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Contest Period, commencement and end date of the Contest, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission or any other method of communication that BSN think appropriate. BSN will not be responsible for or accept any liability incurred by the Participants and/or Winners, directly or indirectly, caused by the changes. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Participants and/or Winner(s).

39. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Peserta yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Peserta yang Layak melalui paparan di portal BSN dan Laman Peraduan atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.
-



TERMA DAN SYARAT – PERADUAN MEDIA SOSIAL RAYA FANTASTIK /
TERMS AND CONDITIONS – SOCIAL MEDIA CONTESTS: RAYA FANTASTIK

Any amendment, variation, deletion or addition to these Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Participants and be deemed to be brought to the Eligible Participants' attention and knowledge by its display on BSN's portal or by any other mode which BSN deems fit.

40. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat Peraduan ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Peraduan ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Peraduan yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah bergantung kepada budibicara mutlak pihak BSN.

In the event of any inconsistency between the Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with the Contest, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter with regards to the Contest which is not covered in these Terms and Conditions will be determined by BSN at its sole discretion.

41. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

42. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Peraduan ini, sila hubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN di 1300 88 1900.

For more information and query relating to the Contest, please contact BSN Customer Contact Centre at 1 300 88 1900.

- TERMA DAN SYARAT PERADUAN TAMAT -
- END OF CONTEST TERMS AND CONDITIONS-
